

PEMBINAAN MODEL TERAPI KERJAYA AADK DALAM KALANGAN PELATIH AADK

¹Amin Al Haadi Bin Shafie, ¹Hishamuddin Bin Abdul Wahab, ¹Nurhafizah Mohd Sukor, ¹Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim, ¹Mohd Nurul Hadi Bin Yatau, ²Chong Siew Ngoh, ¹Mohd Khairul Anuar Rahimi, ¹Siti Nubailah Mohd Yusof

¹Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

²Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Malaysia

ABSTRAK

Kajian pembinaan Model Terapi Kerjaya (MTK) AADK dalam kalangan pelatih AADK bertujuan untuk membantu pihak AADK dalam melengkapkan usaha pemulihan kepada pelatih di pusat-pusat pemulihan AADK. Kajian eksperimental ini melibatkan 32 orang kumpulan kawalan (CCRC Dengkil) dan 32 orang kumpulan eksperimen (CCRC Jelebu). Data kuantitatif di kumpul melalui ujian pra dan pasca menggunakan alat ukur: Career Maturity Inventory (CMI), Tennessee Self Concept Scale (TSCS), Stages of Change (SOCS) dan Drug Related Locus of Control (DR-LOC). Keputusan ujian pra dan pasca kedua-dua kumpulan ini dibandingkan dan dianalisa menggunakan perisian SPSS. Ujian-t dilaksanakan untuk melihat perbezaan antara dua kumpulan ini. Data kualitatif pula dikumpulkan daripada jurnal responden sendiri setelah mengikuti setiap sesi dan temubual mendalam bersama responden setelah selesai mengikuti semua sesi dalam model ini. Dapatan kajian ini menunjukkan perkembangan yang positif oleh kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan, dari segi kematangan kerjaya, konsep sendiri, dan lokus kawalan diri. Skor kumpulan eksperimen lebih meningkat jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Namun begitu, tahap kesediaan untuk berubah yang diukur menggunakan skala SOCS menunjukkan sedikit perubahan tetapi tidak signifikan oleh kumpulan eksperimen. Dapatan kuantitatif ini disokong oleh hasil dapatan temubual yang menunjukkan klien bersedia untuk berubah dan tahu bagaimana untuk berhadapan dengan relaps tanpa bantuan pihak lain setelah melalui MTK AADK ini. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan perancangan kerjaya pelatih juga dianalisa melalui tujuh aspek demografi yang dikenalpasti memberi kesan kepada kematangan kerjaya iaitu tahap pendidikan, taraf perkahwinan, umur mengambil dadah, kekerapan relaps, tempoh penagihan dan kekerapan masuk pusat pemulihan dan penjara.

Kata Kunci: Kerjaya, Model, AADK, CCRC, CMI